

'UBAT AJAIB' ROSAK GINJAL

Usah mudah terpedaya dengan dakwaan pelbagai produk kesihatan

FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD

Nurul Husna Mahmud

nurul_husna@hmetro.com.my

Lambakan pelbagai produk kesihatan dan suplemen di pasaran mungkin membuktikan perkembangan baik buat usahawan tempatan.

Namun berlainan nasibnya dengan pengguna apatah lagi yang menyimpan harapan tinggi agar produk dipilih berkenaan dapat 'mengubati' penyakit yang dihadapi selain mampu memberikan kesan segera.

Biasanya orang tua dan masyarakat kampung adalah golongan mudah terjerat dengan 'testimoni ajaib' dikongsikan oleh peniaga mahupun penjaja produk kesihatan tidak sah.

Bagaimanapun, kita perlu berhati-hati dan sentiasa berwaspada supaya tidak terpengaruh dengan kata-kata manis testimoni kerana produk yang tidak melalui saringan Kementerian Kesihatan Malaysia ataupun iklan disahkan Lembaga Ubat Malaysia, berkemungkinan mengandungi bahan terlarang hingga boleh menjelaskan kesihatan anggota termasuk buah pinggang.

Itulah senario dikongsi Pakar Perunding Nefrologi Hospital Selayang, Dr Suryati Yakob mengenai kes yang dirujuk kepada beliau terutamanya dalam kalangan pesakit muda dalam pembentangan ketika

Persidangan Dialisis Tahun ke-15 anjuran Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF).


Program itu mengumpul lebih 500 delegasi yang terabit secara langsung dalam industri penjagaan kesihatan selama dua hari bertujuan mencari resolusi dalam kebijakan pesakit dialisis dan keluarga mereka.

Dalam persidangan itu, Dr Suryati berkongsi beberapa kes yang pernah dirujuk kepadanya termasuk kerosakan buah pinggang yang teruk antaranya buah pinggang bocor dan penyakit buah pinggang kronik (CKD) iaitu membabitkan kegagalan fungsi kedua-dua buah pinggang sehinggakan pesakit memerlukan rawatan dialisis seumur hidup.

"Ketika ini produk kecantikan terutama produk pencerah kulit dipercayai mengandungi bahan terlarang antaranya raksa sehingga



SEBAHAGIAN 500 delegasi menghadiri program.



DR Suryati



DR Thiruventhiran

menyebabkan buah pinggang mereka gagal berfungsi.

"Kebanyakan kes adalah produk membabitkan oral atau secara makan. Tiada lagi kes disabitkan dengan produk sapuan atau digunakan luar badan."

"Lagi cepat kesannya, lagi tinggi risiko yang dihadapi pengguna. Ini termasuk produk suplemen yang mendakwa mengandungi elemen makanan sunnah."

"Kita tidak pasti sejauh mana kebenaran dan keberkesanannya. Namun, yang paling penting adalah tahap keselamatannya."

"Lebih memburukkan keadaan apabila yang gemar mengambil suplemen ini adalah pesakit mempunyai sejarah penyakit kronik seperti kencing manis dan tekanan darah tinggi."

"Kesan kepada mereka adalah pengambilan produk

yang sedia mengandungi gula tinggi menyebabkan komplikasi serius termasuk terhadap buah pinggang," katanya.

Merujuk pada rawatan semula jadi atau herba, kata Dr Suryati, steroid semula jadi atau kandungan kimia sedia ada pada tumbuhan tidak semestinya sesuai untuk seseorang apatah lagi yang menghidap penyakit.

"Tidak semua herba dan produk semula jadi baik untuk pesakit buah pinggang. Keadaan buah pinggang mereka yang pada awalnya sihat akan mula terjejas apabila ia terpaksa menyaring bahan asing dan kimia beracun," katanya.

Beliau menyarankan pesakit mengamalkan gaya hidup sihat termasuklah diet baik untuk keperluan nutrien tubuh.

Beliau berkata, pengguna sering salah sangka dengan

mengatakan buah pinggang mereka rosak akibat ubatan dari klinik dan hospital.

Anggapan berkenaan kurang tepat kerana pesakit kencing manis, tekanan darah tinggi dan yang ada masalah masalah kolesterol tinggi memerlukan ubat disarankan doktor bagi kualiti hidup lebih baik.

Pengerusi program, Dr Thiruventhiran Thilaganathan berkata, setakat ini seramai 40,000 pesakit menjalani rawatan dialisis dan jumlah itu dijangka melonjak ke 106,249 orang menjelang 2040.

"Mengandaikan jumlah pesakit bakal mencecah angka ratusan ribu, kami muahu menyediakan lebih banyak pusat dialisis bagi menampung keperluan mereka."

"NKF yang ketika ini membantu 1,600 pesakit dialisis subsidi di 28 pusat dialisis seluruh

negara berharap usaha mempertingkatkan kualiti rawatan melalui pusat dialisis bergerak.

"Ini sangat penting khususnya bagi pesakit luar bandar dan yang tinggal di kawasan sukar mendapat akses rawatan," katanya.

Secara purata NKF membelanjakan RM15,000 setahun bagi setiap pesakit dan dana diperoleh menerusi penajaan korporat dan sumbangan awam.